

Soalan-soalan Lazim

KEMPEN #KIRIMANMERDEKA

Bil.	Soalan/Jawapan
S1	Apakah Kempen #KirimanMerdeka?
J1	Kempen #KirimanMerdeka ini merupakan inisiatif Pos Malaysia bersama pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyediakan sampul surat #KirimanMerdeka secara percuma kepada seluruh penduduk Malaysia. Melalui kempen ini, rakyat berpeluang untuk menghantar surat secara percuma mulai 1-31 Ogos 2018.
S2	Apakah objektif utama kempen #KirimanMerdeka ini dilancarkan?
J2	Kempen #KirimanMerdeka ini dilancarkan bertujuan untuk rakyat menghayati semangat hari kebangsaan dengan cara menyampaikan mesej, ucapan, penghargaan dan harapan mereka secara bertulis kepada sesiapa sahaja di Malaysia. Di samping itu, rakyat turut digalakkan untuk menyampaikan aspirasi harapan mereka kepada pihak kerajaan melalui pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
S3	Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen #KirimanMerdeka ini?
J3	Untuk menyertai kempen ini, rakyat boleh mendapatkan sampul surat #KirimanMerdeka secara percuma di mana-mana kaunter pejabat pos di seluruh negara dan mengepos sampul surat #KirimanMerdeka tersebut di mana-mana cawangan pejabat pos atau peti pos.
S4	Siapakah yang boleh menyertai kempen #KirimanMerdeka ini?
J4	Sampul surat #KirimanMerdeka boleh digunakan oleh semua penduduk Malaysia (Warganegara dan Bukan Warganegara) termasuk kakitangan Pos Malaysia Berhad bagi pengedaran individu untuk kiriman dalam negara sahaja. Sampul surat #KirimanMerdeka tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial.

S5	Berapa lamakah kempen #KirimanMerdeka ini akan berlangsung?
J5	Kempen ini akan berlangsung sepanjang bulan Ogos, mulai 1 sehingga 31 Ogos 2018.
S6	Bagaimanakah cara rakyat boleh menghantar surat #KirimanMerdeka ini kepada YAB Perdana Menteri?
J6	<p>Rakyat boleh mengepos sampul surat #KirimanMerdeka kepada YAB Perdana Menteri dengan menggunakan alamat khas seperti berikut :</p> <p>P.O BOX 2020, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50774 Kuala Lumpur.</p> <p>Maklumat ini juga boleh didapati di laman web Pos Malaysia Berhad.</p>
S7	Apakah spesifikasi sampul surat #KirimanMerdeka?
J7	<ul style="list-style-type: none"> • Sampul surat khas bersaiz C5 (dimensi 16.2cm X 22.9cm) • Berat tidak melebihi 50 gram, atau bayaran akan dikenakan • Untuk pengeposan individu sahaja. Tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial • Untuk kiriman domestik sahaja • Tiada perkhidmatan jejak & kesan disediakan
S8	Apakah standard perkhidmatan serahan sampul surat #KirimanMerdeka ini?
J8	<p>Standard perkhidmatan serahan sampul surat #KirimanMerdeka ini adalah mengikut standard perkhidmatan serahan surat biasa:</p> <p>D+ 3 hari bekerja (Semenanjung ke Semenanjung; Sabah & Sarawak ke Sabah & Sarawak) D+ 4 hari bekerja (Semenanjung ke Sabah dan Sarawak; dan sebaliknya)</p>
S9	Bolehkah rakyat mengepos lebih daripada satu sampul surat #KirimanMerdeka?
J9	Ya, rakyat boleh mengepos lebih daripada satu sampul surat #KirimanMerdeka, tetapi tertakluk kepada pengeposan individu sahaja
S10	Adakah rakyat boleh mengepos sampul surat #KirimanMerdeka ini selepas tamat tempoh kempen?

J11	Ya, sampul surat #KirimanMerdeka masih sah bagi tujuan pengeposan, tetapi kadar pengeposan akan dikenakan mengikut kadar surat biasa sekiranya ia digunakan selepas 31 Ogos 2018.
S12	Di manakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kempen #KirimanMerdeka ini?
J12	<ul style="list-style-type: none">i. Pos Line: 1-300-300-300<ul style="list-style-type: none">a. Isnin – Jumaat : 8.30am – 8.00pmb. Sabtu : 8.30am – 5.00pm (Kecuali Sabtu minggu pertama dan cuti umum)ii. email : care@pos.com.myiii. Facebook.com/PosMalaysiaBerhadiv. Twitter.com/Pos4you <p>www.pos.com.my Isnin – Jumaat : 8.30am – 5.30pm (Kecuali cuti umum)</p>